




# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI KHAMIS: 28 OGOS 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5, 11 HINGGA 35)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4,  
DAN 6 HINGGA 10**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**(LIBARAN)**  
**TARIKH : 28.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah untuk mengaplikasikan secara efektif pembangunan modal insan melalui Komuniti Bestari khasnya kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Secara asasnya Komuniti Bestari merupakan satu Program Gerakan Rakyat yang dinamik, berwawasan berasaskan semangat kesukarelaan (*voluntary*) dan berdikari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komuniti Bestari merupakan program di bawah kelolaan Kementerian Penerangan.

Namun demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dalam mengaplikasikan program ini khususnya dalam membangunkan modal insan seperti yang digariskan melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010.

Berdasarkan tiga (3) fokus utama program ini iaitu; Pembangunan Ketahanan dan Perpaduan Nasional; Pembangunan Sosio Ekonomi; serta Perkongsian

Maklumat dan Hubungan Antara Komuniti Bestari, KPM terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan, antaranya;

- i. Melaksanakan program RIMUP, Sambutan Bulan Kemerdekaan, Ambang Merdeka, program kibarkan Jalur Gemilang dan penglibatan murid dalam pasukan beruniform yang melibatkan masyarakat seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Kadet dan sebagainya dalam memperkukuhkan semangat patriotik dan jati diri bagi membina ketahanan nasional dalam kalangan murid tanpa mengira fahaman agama dan bangsa;
- ii. Usaha dalam memberi kesedaran dan minat untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi dalam kalangan murid seperti penekanan terhadap elemen keusahawanan; penglibatan dalam bidang pertanian, hasil seni dan kraftangan, ekonomi rumah tangga, rekacipta dan sebagainya;
- iii. Dalam menggalakkan perkongsian maklumat antara ahli Komuniti Bestari dan murid untuk melahirkan masyarakat bermaklumat (*e-knowledge*) dengan memberi kefahaman, kesedaran serta mewujudkan hubungan baik sesama ahli komuniti dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti termasuklah debat kenegaraan, penggunaan Pusat Akses, perpustakaan bergerak yang disertai oleh murid dan juga guru, serta program sambutan hari-hari perayaan yang melibatkan PIBG dan masyarakat setempat.

NO-11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN TAN AH ENG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 OGOS 2008 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 11**

**SOALAN**

**YB. PUAN TAN AH ENG** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi masalah putus bekalan elektrik di kawasan Iskandar Malaysia; dan
- (b) langkah-langkah untuk menaik taraf penjana kuasa di kawasan luar bandar.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kawasan Iskandar mempunyai beberapa kawasan *flagship* seperti Zon A, Zon C, Zon D dan Zon E sebagai kawasan pembangunan sedia ada serta Zon B sebagai kawasan yang baru dan sedang dibangunkan. Setiap jenis kawasan pembangunan tersebut memerlukan pendekatan yang berlainan untuk memastikan daya harap bekalan elektrik yang tinggi. Ketika ini, pendekatan dan tumpuan utama TNB adalah untuk meningkatkan daya harap sistem bekalan di kawasan sedia ada iaitu di Zon A - Johor Baru City Centre, Zon C - Western Gate Development, Zon D - East Gate Development serta di Zon E - Senai dan Skudai.

Bagi tujuan tersebut, pihak TNB telah mengenal pasti dan sedang melaksanakan 7 buah projek di peringkat penghantaran dengan anggaran kos sebanyak RM 204 juta dan 134 buah projek di

peringkat pembahagian dengan anggaran kos sebanyak RM 118 juta. Tempoh pelaksanaan projek-projek ini adalah dari tahun 2007 hingga 2009. Dalam masa yang sama, pihak TNB turut merancang projek-projek pengukuhan sistem penghantaran bagi tempoh 2010 sehingga 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM 522 juta.

Di samping pelaksanaan projek-projek di atas, TNB turut melaksanakan aktiviti pencegahan dalam memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap secara berterusan. Inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Mengesan potensi kerosakan terhadap kabel-kabel TNB dan membaikinya sebelum berlaku kerosakan. Program ini dijalankan secara berterusan di seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia termasuk di kawasan Iskandar Malaysia; dan
- ii) Melakukan rondaan secara berjadual di kawasan laluan kabel bagi melindungi kabel TNB daripada diambil oleh pihak ketiga.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menaik taraf sistem penjanaan di kawasan luar bandar, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- i) **Projek Solar Hibrid** yang telah dilaksanakan di bawah pembiayaan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang dipantau oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Sejak tahun 1998, sejumlah RM 376.06 juta telah diluluskan untuk pembekalan elektrik luar bandar di Semenanjung Malaysia. Sebanyak RM 20.076juta telah diluluskan oleh Kementerian ini bagi pembekalan sistem solar hibrid kepada masyarakat Orang Asli di pedalaman Semenanjung Malaysia. Projek ini melibatkan sebanyak

619 buah rumah warga orang asli yang telah menerima bekalan elektrik;

- ii) Di bawah pembiayaan AAIBE Semenanjung dan AAIBE Sabah, sebanyak RM 13.59 juta telah diperuntukkan untuk **Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Sabah** melalui Sistem Solar Hibrid Fasa I dan II yang melibatkan 6 kawasan. Projek ini dijangka akan memberi faedah kepada 335 unit rumah di kawasan terbabit; dan
- iii) Peningkatan sistem dan kualiti bekalan elektrik di mana bekalan elektrik 24 jam dengan menggunakan set jana kuasa diesel dibubarkan dan pengguna disambungkan terus ke **Sistem Rangkaian Grid TNB**. Contoh projek yang telah dilaksanakan ialah RPS Iskandar, Bera, Pahang dengan kos sebanyak RM 6.4 juta bagi 285 buah rumah dan Kg. Pasal, Bera, Pahang dengan kos RM 980,000 bagi 32 buah rumah.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**  
**TARIKH** : **28 OGOS 2008**

**SOALAN**

**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mengadakan laluan-laluan bas yang baru yang dapat menghubungkan kawasan-kawasan perumahan dari taman ke taman, khususnya di sekitar Petaling Jaya dan Selangor bagi memudahkan lagi perhubungan menggunakan pengangkutan awam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan wujudnya *connectivity* sistem pengangkutan awam yang menyeluruh termasuk di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Petaling Jaya dan Selangor. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. mewujudkan kemudahan *radio call taxi* bagi memudahkan pengguna mendapatkan perkhidmatan teksi terus dari rumah;
- ii. meningkatkan perkhidmatan bas berhenti-henti sedia ada yang mana RapidKL turut menyediakan perkhidmatan Tempatan yang bertujuan memberi perkhidmatan daripada kawasan-kawasan perumahan terus ke kawasan bandar, dan
- iii. perkhidmatan bas pengantara yang menghubungkan stesen LRT ke kawasan-kawasan perumahan.

Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan memberi kebenaran kepada bas sekolah untuk memberikan perkhidmatan bas awam semasa waktu lapang. Cadangan ini mampu menyelesaikan masalah lingkungan liputan perkhidmatan (*service coverage*) di kawasan-kawasan perumahan yang kebanyakannya tidak dapat dimasuki oleh bas yang bersaiz besar dan panjang.

Kerajaan juga sedang merangka pelan jangka panjang melalui beberapa kajian bagi memastikan perkhidmatan lebih cekap dan menyeluruh khususnya di bandar-bandar utama termasuklah di kawasan Petaling Jaya. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. menetapkan Dasar Perbandaran Negara di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang meletakkan sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien sebagai salah satu teras utama dasar tersebut. Tiga komponen utama dalam teras ini adalah seperti berikut:

- a. Pembangunan sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan efisien;
  - b. Pembangunan pengurusan lalulintas; dan
  - c. Pembangunan rangkaian jalan.
- ii. pelaksanaan Projek Integrasi dan Penyusunan Semula Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang (INSPAK) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 yang merangkumi penyelarasan sistem pengangkutan awam bas dan rel secara menyeluruh dan bersepadu di Lembah Klang. INSPAK diurusetikan oleh Kementerian Kewangan.
- iii. menyediakan Pelan Induk Dasar Pengangkutan Awam Bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia yang akan menjadi asas kepada Dasar Pengangkutan Negara kelak. Pelan induk ini diselia di bawah Kementerian Pengangkutan.

**Disediakan Oleh** : **NOR NEKMAN BIN JAIMON**  
: **No. H/P : 019-2768803**

**Disemak Oleh** : **NAIMAH BINTI RAMLI**  
: **No. H/P : 012-3250969**

**Diluluskan Oleh** : **DATO' MUSA BIN MUHAMAD**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
(HULU LANGAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.08.2008**

**Dr Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pinjaman mudah tanpa faedah kepada seluruh rakyat Malaysia bagi memasang peralatan NGV dan *hidrofuel* sebagai galakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada petrol dan diesel .

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar semasa Kerajaan ialah menggalakkan pengangkutan awam iaitu bas dan teksi menggunakan NGV. Bagi tujuan ini, antara insentif yang telah disediakan ialah pemberian elaun modal permulaan, elaun modal tahunan dan elaun modal dipercepatkan serta pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan berkaitan pengubahsuaian kenderaan "*monogas*", "*bi-fuel*" dan "*dual-fuel*" untuk menggunakan gas asli.

2. Bagi kenderaan persendirian pula, Kerajaan menggalakkan penjimatan melalui penggunaan pengangkutan awam. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk meningkatkan kapasiti dan memperluaskan jaringan perkhidmatan pengangkutan awam, terutamanya bagi perkhidmatan bas RapidKL dan RapidPenang melalui peningkatan kekerapan, kualiti dan peluasan kawasan perkhidmatan. Untuk menampung penambahan permintaan perkhidmatan komuter di Lembah Klang, Kerajaan telah meluluskan pembelian 10 *Electrical Multiple Unit* bagi KTMB. Usaha turut digiatkan untuk menambah aliran LRT, di samping merancang pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu kawasan strategik yang mesra golongan kurang upaya (OKU), seperti Bandar Tasik Selatan yang menyediakan perkhidmatan LRT, ERL dan Komuter serta pengangkutan bas dan teksi antara bandar dan wilayah selatan.

3. Berdasarkan insentif yang telah disediakan dan juga pelaksanaan langkah bagi meningkatkan kapasiti dan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan belum bercadang untuk menyediakan pinjaman mudah tanpa faedah bagi memasang peralatan gas asli bagi kenderaan (NGV) dan hidrofuel.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**SOALAN : NO. 714**

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan berapa banyak kutipan "cess' (ses) iaitu cukai yang dikenakan terhadap pengusaha-pengusaha tembakau mengikut tahun bermula dari tahun 2005 hingga 2007.**

### ***Jawapan***

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SES ke atas daun tembakau diawet dikenakan kepada pengilang rokok yang membeli daun tembakau tempatan dan pengusaha tembakau (Penanam Pengawet Usahasama dan Penanam Pengawet Individu) yang mengeluarkan daun tembakau diawet. Kadar SES yang dikenakan adalah 20 sen bagi pengilang rokok dan 3 sen bagi pengusaha tembakau untuk setiap kilogram daun tembakau diawet yang dipasarkan.

Jumlah SES yang dikutip dari pengilang rokok untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2007 adalah sebanyak **RM4,391,850.00**, manakala dari pengusaha tembakau adalah berjumlah **RM658,777.00**. Pecahan kutipan SES berdasarkan tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2005	2,172,159
2006	1,394,277
2007	1,484,191
Jumlah	5,050,627

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GLUGOR]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**SOALAN:**

**TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976 supaya memberi peruntukan kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang telah pun bersara dan telah dihilangkan kelayakan tidak dapat bertindak sebagai peguam bela untuk litigasi di Mahkamah. Jika tidak, berikan alasan-alasannya.

**JAWAPAN :**

Hak Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang bersara tidak hilang kelayakan untuk bertindak sebagai peguam bela di Mahkamah jika peruntukan seksyen 10 dan seksyen 11 Akta Profesion Undang-Undang 1976 mengenai

penerimaan masuk dan pendaftaran sebagai seorang peguam bela dan peguam cara dituruti. Oleh yang demikian, soal Hakim-hakim yang tersebut di atas dihalang atau hilang kelayakan tidak timbul. Soalan Yang Berhormat tidak jelas. Jikan hasrat Yang Berhormat adalah supaya Hakim-hakim tersebut tidak sepatutnya bertindak sebagai peguam bela, maka Yang Berhormat boleh mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk meminda Akta tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR  
[JERAI ]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : 16**

**Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar [ Jerai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembinaan rumah kos rendah untuk pemindahan penduduk di atas tanah rizab KTM sepanjang Gurun - Alor Setar akan dimulakan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Pembinaan rumah kos rendah untuk pemindahan penduduk di atas tanah rizab KTM sepanjang Gurun - Alor Setar masih belum dimulakan. Ini adalah disebabkan tawaran pampasan Kerajaan belum mendapat persetujuan Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, Kerajaan telah menawarkan nilai pampasan iaitu RM1,000 sebagai bayaran ex-gratia dan bantuan sewa rumah sebanyak RM300.00 sebulan untuk tempoh maksimum 2 tahun menjadikan jumlah keseluruhan bantuan Kerajaan ialah RM8,200. Formula pampasan ini adalah sama dengan formula yang diguna pakai bagi projek landasan Berkembar Elektrik Rawang - Ipoh yang telah siap pada tahun 2007.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI ONG KA TING [KULAI]**  
**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**SOALAN:**

**YB DATUK SERI ONG KA TING** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil untuk memastikan langkah pembaharuan kehakiman dan dasar pengasingan kuasa kehakiman berjalan lancar dan juga status langkah pembaharuan kehakiman dan jadual pelaksanaan.

**JAWAPAN:**

Banyak perkara yang perlu dilakukan untuk membawa perubahan dan pembaharuan ('reform') kepada sistem kehakiman Negara. Selain daripada penubuhan Suruhanjaya Pelantikan yang kini sedang dikemaskini, tumpuan juga diberikan kepada isu-isu lain untuk memperkukuhkan sistem kehakiman seperti penyelesaian kes-kes tertunggak, skop dan tanggungjawab sistem bantuan guaman ('legal aid') kepada mereka yang termiskin dan sebagainya.

Berhubung dengan kes-kes tertunggak, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Kajian Kes-kes Tertunggak di Mahkamah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Datuk Zaid Ibrahim kini meneliti dan mengkaji cara-cara untuk menyelesaikan isu ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Majlis Peguam Malaysia, Pengerusi Peguambela Sarawak, Pengerusi Persatuan Undang Sabah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang sebagai Sekretariat. Saya ingin menekankan disini bahawa ini adalah satu proses yang terus berjalan ('on-going') dan segala usaha sedang dilakukan. Langkah-langkah yang kini sedang diteliti adalah seperti berikut:-

1. Sistem 'Case Management' yang lebih telus dan berkesan akan dicadangkan untuk membolehkan pengesanan sebab-sebab kelewatan dalam penyelesaian kes-kes.
2. Usaha juga sedang dilakukan untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan sistem pengkomputeran bagi mempercepatkan proses catatan nota keterangan melalui Sistem Rekod Mahkamah dan Penyalinan ('Court Recording & Transcription'). Sistem ini juga akan mempercepatkan proses pendengaran kes-kes.

3. Penyelesaian melalui mediasi adalah satu pendekatan yang akan dilaksanakan. Persetujuan pihak-pihak berkenaan akan diperolehi dimana kes-kes ini akan diselesaikan melalui mediasi dan bukan melalui litigasi. Ini akan mengurangkan kes-kes yang dibawa ke mahkamah.
4. Badan Kehakiman juga telah menjalankan penstrukturan semula bagi mengatasi masalah kekurangan anggota kehakiman.
5. Satu kajian menyeluruh sedang dijalankan untuk mempertingkatkan peranan biro bantuan guaman supaya lebih ramai orang layak untuk mendapat bantuan guaman. Dengan adanya nasihat yang lebih lengkap banyak kes-kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat.
6. Proses penggabungan pemakaian peruntukan-peruntukan dalam "Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980" dan "Kaedah Mahkamah Rendah 1980" untuk dipakai oleh kedua-dua mahkamah telah dibentuk bagi mempercepatkan proses pendengaran kes.

Selain daripada langkah-langkah yang tersebut di atas, usaha-usaha yang senantiasa dijalankan adalah:-

- (i) Operasi pelupusan kes – kes sivil dan jenayah pra 2000 (kes-kes yang telah didaftarkan sebelum tahun 2000) dan operasi ini telah menunjukkan pencapaian pelupusan dan penyelesaian kes – kes sivil dan jenayah yang amat memuaskan di seluruh negara di mana semenjak dilaksanakan pada tahun 2003 sehinggalah Disember 2007, sebanyak 96% kes – kes sivil pra 2000 telah diselesaikan

manakala bagi kes – kes jenayah pra 2000 pula, sebanyak 99% kes telah diselesaikan.

- (ii) Operasi pelupusan kes – kes jenayah pra 2004 (kes-kes jenayah yang telah didaftarkan sebelum tahun 2004). Sebagai kesinambungan kepada operasi pelupusan kes-kes pra 2000, ketetapan telah dibuat dimana kes-kes jenayah yang telah didaftarkan sebelum tahun 2004 diberikan keutamaan untuk dilupuskan dan hasilnya dari tempoh Julai 2004 sehingga Disember 2007 sebanyak 44342 ataupun 94% dari 47315 kes-kes tersebut telah diselesaikan.
- (iii) Arahan Ketua Hakim Negara Bil. 2/2004 memberi keutamaan kepada perbicaraan kepada kes – kes reman di Mahkamah.

Berhubungan dengan dasar pengasingan kuasa kehakiman, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang kini sedang dikemaskinikan akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem kehakiman negara serta mengukuhkan pengamalan doktrin pengasingan kuasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB. DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT** : **28.08.2008**

**SOALAN NO.** : **18**

**SOALAN**

**YB. DATO' NGEH KOO HAM** Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada ia akan bersetuju jika Lembaga Air Perak di bawah Kerajaan Negeri Perak terus mengendalikan bekalan air di negeri Perak bebas daripada mana-mana agensi Persekutuan atau Kerajaan Persekutuan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dengan berkuat kuasanya Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) pada 1 Januari 2008, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan bertanggungjawab mengawal selia industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Antara pihak yang akan dikawal selia ialah operator-operator air negeri termasuk Lembaga Air Perak (LAP).

Di bawah Akta 655, LAP perlu memohon lesen daripada SPAN bagi membolehkan entiti tersebut mengendalikan perkhidmatan bekalan air di negeri Perak. Sebagai pemegang lesen, LAP adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat lesen dan petunjuk prestasi utama (*KPI*) yang ditetapkan. *KPI* tersebut merangkumi aspek teknikal, ekonomi dan sosial termasuk perlindungan pengguna. Melalui pengawalseliaan tersebut, Kerajaan yakin perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri akan dapat ditingkatkan ke tahap berdaya maju dan mapan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada aspek pengawalseliaan, Kerajaan juga sedang menyusun semula perkhidmatan air negara bagi membolehkan operator air beroperasi secara *asset light*. Di bawah pendekatan ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan telah diwujudkan sebagai instrumen Kerajaan untuk mengambil alih aset dan tanggungan air Kerajaan Negeri. Ia juga akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan kapital (CAPEX) bagi projek-projek pembangunan bekalan air.

Melalui pendekatan *asset light* tersebut, operator air hanya perlu menumpukan perhatian kepada operasi dan penyenggaraan perkhidmatan air menggunakan aset-aset air yang disewa pajak daripada PAAB. Dengan yang demikian, operator-operator air dan juga Kerajaan Negeri akan dilepaskan daripada tanggungjawab untuk menyediakan peruntukan bagi Capex dan pembayaran pinjaman.

\*\*\*\*\*

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008 ( KHAMIS )**

**SOALAN : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kawasan yang diklasifikasikan sebagai kawasan penternakan babi di seluruh Malaysia. Sila nyatakan kawasan tersebut yang telah pun dilaksanakan dan faktor yang menjejaskan dasar dan usaha Kementerian Pertanian untuk mengadakan ladang penternakan babi berpusat tersebut**

**JAWAPAN : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Yang Berhormat,

Pada 20 Februari 1991 dan 8 Januari 2003, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya konsep *Pig Farming Area (PFA)* dijadikan asas bagi Kerajaan-kerajaan Negeri menyusun semula ladang-ladang ternakan babi bagi mengatasi isu-isu pencemaran, sosial dan pembangunan.

Disebabkan tidak ada *PFA* yang beroperasi mulai 1 Januari 2007, Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007 telah memutuskan bahawa:-

- (i) Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak dibenarkan meneruskan pembangunan *PFA* di negeri masing-masing,
- (ii) Bagi negeri-negeri lain yang tidak membangunkan *PFA*, industri babi perlu dimajukan secara *Modern Pig Farming (MPF)*.
- (iii) Dalam *MPF*, semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan sistem kandang tertutup bersamaan sistem pengolahan sisa *zero-discharge (Closed house zero-discharge system – CHZD)*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 1278**

**SOALAN:**

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah perbelanjaan mengurus bagi setiap orang banduan sehari dan nyatakan secara terperinci menu dan berapa kali banduan-banduan diberikan makanan sehari.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan untuk mengurus seorang banduan sehari adalah RM 35.00. Kadar tersebut merangkumi perbelanjaan bagi penyediaan makanan penghuni, emolumen, pemulihan, rawatan kesihatan, pakaian, bekalan sumber tenaga dan lain-lain utiliti. Manakala perbelanjaan bagi menyediakan makanan untuk seorang banduan sehari secara purata adalah pada kadar RM 3.50. Ia adalah berdasarkan kontrak penyediaan bahan mentah makanan yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan.

Semua penghuni institusi Jabatan Penjara diberikan 5 kali makan pada setiap hari yang merangkumi sarapan pagi, minum pagi, makan tengah hari, minum petang serta makan malam. Jenis, sukatan dan kuantiti bahan yang terkandung dalam menu makanan untuk penghuni institusi Jabatan Penjara adalah berdasarkan skala diet yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan ianya mengutamakan pemakanan yang seimbang.

Skala diet, menu makanan dan makanan tambahan juga akan diselaraskan berdasarkan keadaan kesihatan seseorang penghuni atau banduan. Contohnya, ibu bersalin dan mengandung atau atas syor pegawai perubatan. Di samping itu, berdasarkan Akta dan Peraturan Penjara, banduan reman boleh memilih untuk memakan makanan sendiri dengan bayaran RM 10.00 sehari. Bagi tujuan keselamatan, makanan yang dipilih oleh banduan reman akan disediakan sendiri oleh Jabatan Penjara. Bagi memperbanyakkan pilihan, jenis makanan yang disediakan pada setiap hari adalah berbeza-beza menunya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]**  
**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**SOALAN:**

**TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa kedudukan SUHAKAM tidak akan diturun tarafkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa mengenai Institusi Hak Asasi Manusia (ICC) demi melindungi kredibiliti SUHAKAM sebagai badan bebas yang memantau dan melindungi hak asasi rakyat Malaysia.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SUHAKAM merupakan Institusi Hak Asasi Kebangsaan yang pada masa ini masih berada pada status "A". Pengiktirafan ini telah diberikan oleh International Coordinating Committee on National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights (ICC) pada tahun 2002.

Pada 2006, ICC telah memutuskan bahawa Negara-negara yang diberikan status "A" akan dinilai semula. Susulan itu, SUHAKAM telah

menyerahkan laporan mengenai kedudukannya kepada ICC pada bulan Disember 2007. Berdasarkan laporan itu, pihak ICC berpendapat bahawa SUHAKAM tidak menepati Prinsip-prinsip Paris sepenuhnya dan mengesyorkan agar taraf SUHAKAM diturunkan daripada status "A" kepada status "B". Namun begitu, SUHAKAM masih berada pada kedudukan status "A" dan telah diberi tempoh sehingga April 2009 untuk mencapai *standard* yang telah ditetapkan oleh ICC.

Susulan itu, SUHAKAM, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan satu mesyuarat pada 23 Julai 2008 bagi membincangkan kaedah untuk memastikan SUHAKAM terus berada pada taraf "A". Antara cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh SUHAKAM adalah seperti pindaan pada akta sedia dan beberapa keputusan dasar yang akan memberikan kebebasan kepada SUHAKAM untuk menjalankan fungsi-fungsinya tanpa terikat dengan mana-mana panduan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini masih dalam peringkat kajian dan penelitian.

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.08.2008**

Tuan Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan nilai dan harga saham MV Agusta yang dijual kepada Gevi Spa untuk 1 Euro memandangkan Gevi Spa telah menjual saham kepada Harley Davidson untuk 70 juta Euro.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON pada Disember 2004 telah melabur 70 juta Euro (RM353 juta) di dalam syarikat pembuat motosikal Itali, MV Agusta Motors Spa (MVAM) dengan pegangan saham sebanyak 57.75%. Semasa pembelian saham ini dibuat, MVAM sedang menghadapi masalah kewangan dan mencatatkan kerugian.

PROTON pada awalnya merancang untuk memulihkan kedudukan MVAM, namun syarikat tersebut terus mencatatkan kerugian. PROTON sebagai pemegang saham majoriti perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar sekiranya berhasrat meneruskan perancangan memperbaiki kedudukan MVAM. Tanpa suntikan kewangan tambahan oleh PROTON, MVAM berhadapan dengan kemungkinan mufliis yang akan menyebabkan kerugian yang

lebih besar kepada PROTON apabila perlu menanggung di antaranya, realisasi hutang yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Pada masa yang sama, PROTON juga memerlukan sumber kewangan untuk memulihkan prestasi aktiviti utamanya iaitu pembuatan dan penjualan kereta keluaran PROTON. Berdasarkan kekangan kewangan dan kedudukan ini, Lembaga Pengarah PROTON telah memutuskan untuk melupuskan sahamnya dalam MVAM setelah mempertimbangkan secara terperinci kesan jangka pendek serta jangka panjang ke atas operasi, komersial dan kewangan Syarikat Kumpulan PROTON.

Keputusan pelupusan ini juga dibuat berdasarkan hasil kajian semula ke atas pelaburan PROTON dalam MVAM oleh beberapa buah syarikat antarabangsa bertauliah sebagai konsortium penasihat (*consortium of advisers*) termasuk syarikat Credit Suisse First Boston dan beberapa buah syarikat guaman dari Itali yang merumuskan empat perkara kritikal seperti berikut:

- i. model perniagaan MVAM tidak boleh dikekalkan dari segi operasi dan kewangan;
- ii. pembangunan MVAM memerlukan pelaburan besar berterusan bagi tempoh yang lama daripada PROTON;
- iii. integrasi operasi MVAM dengan PROTON tidak akan memberi skala ekonomi yang besar atau sinergi; dan
- iv. terdapat kemungkinan MVAM akan jatuh mufliis serta membawa risiko komersial, kewangan dan reputasi terhadap PROTON.

Pemilihan konsortium penasihat bagi membantu dan menasihati PROTON dalam usaha-usaha penilaian risiko berkaitan dengan pegangan ekuiti di dalam MVAM adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- a. jaringan dan pengalaman antarabangsa;
- b. pengalaman yang mendalam dalam industri automotif;  
dan
- c. pelbagai kepakaran di dalam bidang-bidang terbabit dan bukan hanya kepakaran dari segi penasihat kewangan (*financial adviser*).

PROTON juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun, memandangkan MVAM mempunyai dana pemegang saham yang negatif (*negative shareholders fund*), aliran wang tunai yang tidak mencukupi (*cashflow deficit*) dan juga menanggung kerugian berterusan (kerugian selepas cukai berjumlah 118.57 juta Euro bagi tempoh 6 tahun sehingga 31 Disember 2005), nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperoleh.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan pegangan PROTON dalam MVAM tidak boleh disamakan dengan transaksi penjualan Huqsvarna kepada BMW seperti yang dilaporkan memandangkan keadaan masa dan kandungan transaksi yang sangat berbeza. Sebagai contoh, jumlah liabiliti yang berkaitan dengan transaksi penjualan Huqsvarna tersebut tidak dilaporkan

dengan jelas dan rasmi oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan penjualan kepada Harley Davidson sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini. Memandangkan PROTON tidak lagi mempunyai hubungan perniagaan dengan MVAM selepas pelupusan MVAM pada akhir tahun 2005, sebarang aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan nilai syarikat seperti *financial re-engineering* tidak dapat dipastikan secara menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI**  
**TARIKH : 28 OGOS 2008**  
**SOALAN :**

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menaikkan pencen kepada pesara-pesara yang menerima pencen kurang daripada RM900.00 kepada RM900.00 selaras dengan gaji minima yang dipohon oleh Kesatuan Sekerja memandangkan kos perbelanjaan meningkat selepas kenaikan harga petrol.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan kenaikan kadar pencen minimum untuk pesara Kerajaan dan ahli keluarga tanggungan mereka diambil maklum oleh Kerajaan.

NO : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : 24**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pusat PUSPAKOM dan jumlah kenderaan perdagangan dan persendirian yang diperiksa selama ini serta sejauh mana amalan rasuah yang melibatkan kakitangan berlaku dalam PUSPAKOM.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

PUSPAKOM telah menambah pusat pemeriksaan kenderaan di seluruh negara daripada 31 buah cawangan pada tahun 1994 kepada 66 buah cawangan di seluruh negara sehingga tahun 2008. Tujuan penambahan cawangan ini adalah sebahagian daripada komitmen PUSPAKOM bagi memenuhi tanggungjawab sosial untuk menyediakan kemudahan pelanggan terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Jumlah kenderaan perdagangan berdaftar yang telah diperiksa oleh PUSPAKOM sepanjang tahun 2007 adalah sebanyak **838,856** buah kenderaan. Sementara itu, jumlah kenderaan persendirian pula adalah sebanyak **544,144** buah kenderaan. Ini bermakna jumlah keseluruhan kenderaan yang terlibat dengan pemeriksaan wajib PUSPAKOM adalah **1,383,000** atau lebih kurang **8%** dari jumlah keseluruhan **16.7** juta kenderaan berdaftar di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sejak penubuhan PUSPAKOM pada September 1994 sehingga Mac 2008, syarikat ini telah memberhentikan seramai 40 orang pekerja daripada 1,000 kakitangan kerana disyaki terlibat dengan amalan rasuah. Bagi tempoh April hingga Julai 2008 didapati tidak ada seorang pun kakitangan PUSPAKOM yang terlibat dalam amalan

rasuah. Bagi tempoh yang sama PUSPAKOM juga telah memberhentikan seramai 72 orang pekerja atas kesalahan kes-kes disiplin seperti pecah amanah, menagih dadah, tidak hadir bertugas dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MAHFUZ OMAR [POKOK SENA]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**SOALAN**

Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengkaji semula kadar baru pemberian biasiswa JPA 55 peratus untuk Bumiputera dan 45 peratus untuk bukan Bumiputera.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pemberian biasiswa JPA bagi tajaan luar negara adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu kecemerlangan akademik (70%), kegiatan ko-kurikulum (10%), latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan prestasi temu duga (10%). Peratusan pemberian biasiswa bergantung kepada bilangan pemohon yang layak.

**SOALAN NO. ( 26 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASA)**

**TARIKH : 28 OGOS 2008 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASA)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengubah dasar pemberian diskaun dalam pembelian rumah supaya semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum yang berpendapatan rendah menikmati diskaun tersebut. Sekiranya ya, bila dan apakah mekanismenya. Sekiranya tidak, mengapa.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai dasar yang tertentu berhubung dengan pemberian diskaun dalam pembelian dan pemilikan rumah kediaman. Ini adalah kerana, harga bagi sesuatu unit kediaman adalah berdasarkan kepada harga pasaran semasa dan ditentukan oleh pemaju berkenaan.

Dalam hubungan ini juga, pengagihan lot bumiputera dan pemberian diskaun bagi rumah kediaman bumiputera dalam sesuatu pemajuan perumahan adalah ditentukan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana ianya adalah berbeza mengikut negeri yang berkenaan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir  
[Jerlun]**

**TARIKH : 28 Ogos 2008**

**SOALAN 27 : Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir  
[Jerlun] minta MENTERI LUAR  
NEGERI menyatakan apakah  
perkembangan terkini mengenai  
Komuniti Ekonomi ASEAN dan ASEAN  
Vision 2020 yang telah dipersetujui  
semua negara-negara ahli ASEAN  
sebelum ini.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerlun di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Dipertua,

2. Matlamat-matlamat yang terkandung dalam Visi ASEAN 2020 yang dipersetujui pada 1997 kini direalisasikan melalui Pelan Tindakan Hanoi (1998 – 2004) dan Pelan Tindakan Vientiane (2004-2010). Pelan Tindakan Vientiane meliputi ketiga-tiga tunggak Komuniti ASEAN, iaitu Komuniti Ekonomi ASEAN, Komuniti Politik dan Keselamatan ASEAN dan Komuniti Sosio-budaya ASEAN. Bagi memastikan agar ASEAN dapat berdaya saing dalam suasana ekonomi yang kompetitif memandangkan kemunculan kuasa ekonomi India dan China, proses integrasi Komuniti ASEAN telah dipercepatkan ke 2015.

3. Dalam konteks Komuniti Ekonomi ASEAN, satu Rangka Kerja Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint*) telahpun digubal dan dimeterai pada November 2007 di Singapura. Pelaksanaannya telah bermula seperti dijadualkan pada tahun ini oleh pelbagai badan sektoral ASEAN yang tertentu. Satu mekanisme bagi memantau kemajuan pelaksanaannya, iaitu *Scorecard* sedang dibangunkan oleh ASEAN untuk dibentang di Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Singapura pada 26-

27 Ogos 2008 agar keberkesanan setiap strategi dan programnya dapat diukur.

4. Perkembangan terkini yang lain dalam Komuniti Ekonomi ASEAN ialah Pemeteraian Memorandum Persefahaman *ASEAN Power Grid* pada 23 Ogos 2007; Pemeteraian *ASEAN Sectoral Integration Protocol for Logistic Services Sector and the Protocol to amend Article 3 of the Framework Agreement for the Integration of Priority Sectors* pada 24 Ogos 2007; dan Perumusan Perjanjian *ASEAN Comprehensive Investment (ACIA)* yang baru dan dijangka akan dimeterai di Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Singapura pada bulan Ogos 2008.

5. Matlamat-matlamat politik, keselamatan dan sosial-budaya dalam Visi ASEAN 2020 turut dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Vientiane. Antara perkembangan-perkembangan utama ialah pengubalan Rangka Kerja Komuniti Politik dan Keselamatan ASEAN (*ASEAN Political Security Community-APSC Blueprint*) dan Rangka Kerja Komuniti Sosio-budaya ASEAN (*ASEAN Socio-Cultural Community – ASCC Blueprint*). Kedua-dua Rangka Kerja ini masih dalam proses pendrafan dan dijangka akan dimuktamadkan di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-14 di Thailand pada bulan Disember 2008.

6. Antara perkembangan-perkembangan spesifik utama yang terkini ke arah merealisasikan Visi ASEAN 2020 ialah kesertaan Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) dalam Titi Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (*Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia - TAC*) secara rasmi pada 24 Julai

2008; Pelan Tindakan Pendidikan Alam Sekitar ASEAN (*ASEAN Environmental Education Action Plan*) untuk tempoh 2008-2012 telah diterima pakai; dan *ASEAN Standard Operating Procedure for Regional Standby Arrangement and Coordination of Joint Emergency Response Operation (SASOP)* telah diterima pakai pada bulan Mac 2008.

7. Bagi membantu pelaksanaan setiap komuniti, mekanisme koordinasi antara badan-badan sektoral, iaitu Mesyuarat Koordinasi bagi Komuniti Politik dan Keselamatan, Mesyuarat Koordinasi Komuniti Ekonomi dan juga Mesyuarat Koordinasi Sosio-budaya Komuniti diwujudkan. Mesyuarat-mesyuarat koordinasi tersebut diadakan secara berkala dan menjadi pentas bagi mengenal pasti keutamaan, mengatasi isu-isu *cross cutting* dan juga membangun program pelbagai sektor secara komprehensif. Dalam hubungan ini, Mesyuarat Komuniti Ekonomi ASEAN sedang diadakan, sementara Mesyuarat-mesyuarat koordinasi bagi Komuniti Politik dan Keselamatan dan Komuniti Sosio-budaya akan diadakan selepas kedua-ke dua Rangka Kerja dimuktamadkan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-14 di Thailand pada bulan Disember 2008. Selaras dengan Piagam ASEAN, usaha-usaha penstrukturan semula Sekretariat ASEAN juga sedang dikaji untuk diguna pakai dan dilaksanakan pada 2009.

NO:28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 28 OGOS 2008**  
**NOMBOR FAIL : 1276**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dari 2.1 juta pendatang dengan izin (PDI) berapakah yang menjadi pelajar di IPTA dan IPTS dan adakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengenal pasti bilangan kononnya pelajar yang menyalahgunakan permit. Apakah anggaran bilangan PATI dan keberkesanan tindakan penguatkuasaan bersepadu.

## **JAWAPAN**

### **Tuan Yang Di Pertua**

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana mengemukakan pertanyaan ini.

Mengikut statistik dari Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 25 Mei 2008, terdapat seramai 75,113 orang pelajar asing yang belajar di negara ini. Lima buah negara dengan jumlah pelajar yang paling ramai adalah Indonesia (11,064 pelajar), China (7,786), Iran (4,270) Nigeria (4,077), dan Bangladesh (3,264). Dari jumlah ini, seramai 23,442 pelajar menuntut di IPTA, 35,669 pelajar di IPTS, 4,375 pelajar di sekolah kerajaan, 6002 pelajar di sekolah swasta, dan 5,625 pelajar di institusi/sekolah lain. Pelajar-pelajar asing ini datang dari 144 buah negara.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalinkan kerjasama yang sangat rapat dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia dalam hal ehwal yang berkaitan dengan pelajar asing di negara ini. Sebagai contoh, kedua-dua Kementerian telah bersetuju supaya IPTA/IPTS perlu mengemukakan laporan pelajar sebelum lanjutan pas pelajar boleh dituluskan. Bagi IPTS pula naziran akan dibuat oleh kedua-dua agensi ini dari semasa ke

semasa bagi memastikan bahawa IPTS mematuhi segala arahan, peraturan, dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehingga bulan Mei 2008, sebanyak 21 IPTS telah ditarik semula kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa kerana tidak mematuhi atau telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai statistik pelajar yang menyalahgunakan permit secara khusus, tetapi sehingga 31 Mei 2008, seramai 2,996 orang warganegara asing telah ditangkap di atas kesalahan menyalahgunakan pas (termasuk pas pelajar). Lima buah negara yang paling ramai menyalahgunakan Pas adalah Indonesia (14,346), Filipina (5,773), Bangladesh (3,867), Myanmar (2,754) dan India (1,155).

**Tuan Yang DiPertua,**

Kerajaan menganggarkan bahawa terdapat lebih kurang 1 juta Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bagi seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Kerajaan memandang serius isu kehadiran ramai PATI di negara ini. Bagi menangani isu PATI, Kerajaan melancarkan operasi penguatkuasaan bersepadu secara

berterusan. Operasi penguatkuasaan ini dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan Polis DiRaja Malaysia.

Operasi-operasi penguatkuasaan yang dilancarkan menunjukkan hasil yang positif. Bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 30 April 2008, sebanyak 20,098 orang PATI telah ditangkap dalam 2,050 operasi penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia. Mulai 07 Ogos 2008, Kerajaan telah melancarkan operasi PATI khas di Sabah. Operasi ini merupakan satu operasi penguatkuasaan secara besar-besaran melibatkan beberapa agensi lain selain dari JIM, RELA dan PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR**  
**[ KETEREH ]**  
**TARIKH : 28 OGOS 2008**  
**SOALAN :**

**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk tindakan yang telah diambil kepada penjawat awam termasuk Menteri yang diberi kemudahan kenderaan tetapi menyalahgunakan kemudahan tersebut untuk ke tempat yang bukan majlis rasmi Kerajaan dan beri contoh kes.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perenggan 7, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996, pegawai Perkhidmatan Awam yang dibekalkan dengan kereta rasmi, dibenarkan menggunakannya sepanjang masa untuk urusan rasmi dan juga persendirian. Oleh yang demikian, isu penyalahgunaan kemudahan kereta rasmi ke tempat yang bukan majlis rasmi Kerajaan adalah tidak berbangkit.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN**  
**(PADANG SERAI)**  
**TARIKH : 28.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah atau program-program yang dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang pintar dan mahir di Sekolah-Sekolah Tamil. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan prestasi pelajar-pelajar tersebut dikekalkan sehingga pelajar tersebut berjaya dalam bidang yang diceburi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip 'Pendidikan Untuk Semua' kepada semua kanak-kanak di negara ini. Oleh yang demikian, usaha ditumpukan kepada penyediaan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada semua sekolah sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Bagi pendidikan rendah, sama ada di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan kurikulum pendidikan yang dilaksanakan merupakan kurikulum pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur, kandungan, pendekatan dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum ini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Berhubung dengan murid pintar, setakat ini murid-murid tersebut atau pun yang mempunyai keupayaan dan kebolehan istimewa akan mengikuti pendidikan

dalam aliran perdana di sekolah-sekolah pilihan mereka. Ini adalah penting bagi menjamin perkembangan murid adalah seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani serta seimbang dari segi perkembangan ilmu, kemahiran dan nilai yang diperolehi oleh murid. Ia juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang antara lain adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang seimbang.

Selaras dengan hasrat ini, murid-murid pintar dan mahir akan di tempatkan di sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah sukan, dan juga di sekolah kesenian. Selain daripada itu, murid-murid tersebut juga boleh memasuki sekolah rendah setahun lebih awal tertakluk kepada keputusan ujian saringan yang dijalankan oleh KPM. Buat masa ini, KPM sedang meneliti untuk memperkenalkan program khusus untuk murid pintar, cerdas dan berbakat. Perkara ini perlu dihalusi sebelum sesuatu keputusan dibuat dengan mengambil kira pelbagai aspek.

Pada masa yang sama, dalam usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan negara, KPM juga menjalin kerjasama dalam bentuk Kluster antara universiti dengan sekolah-sekolah terpilih. Penekanan konsep ini iaitu setiap IPTA akan menjadi mentor atau payung kepada beberapa sekolah yang terpilih termasuklah SJKT adalah bertujuan untuk;

1. Membangunkan modal insan cemerlang minda kelas pertama menerusi permuafakatan yang kukuh di antara Sekolah Kluster-IPTA dalam tiga aspek yang telah dikenalpasti di peringkat awal;
2. Mewujud dan memantapkan jalinan rangkaian antara Sekolah Kluster-IPTA bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam semua bidang;
3. Meningkatkan penglibatan IPTA dengan menekankan peranan memdidik anak bangsa sebagai tanggungjawab bersama semua pihak;

4. Membina sinergi antara Sekolah Kluster-IPTA bagi melastarikan kecemerlangan pendidikan terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan;
5. Mengembangkan potensi sekolah, guru dan pelajar dengan lebih optimum terutamanya dalam aspek kebitaraan (*niche areas*) yang berupaya menyerlahkan watak sekolah;
6. Mendedahkan sekolah, guru dan pelajar dengan budaya, norma, watak atau etos IPTA menerusi penglibatan bersama dalam aktiviti/ program/ projek anjuran IPTA; dan
7. Mengimplementasi dan membudayakan konsep Perkongsian Pintar antara Sekolah Kluater-IPTA di semua bidang jangka masa panjang.

NO: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : 31**

**Dato' Lilah Bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian untuk menawarkan kepada mana-mana syarikat swasta bagi membangunkan Tanah Rizab KTM justeru itu pulangan kepada Kerajaan adalah pembangunan stesen-stesen kereta api moden seluruh negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Tanah-tanah rizab kereta api di seluruh Malaysia adalah bertujuan untuk pembangunan perkhidmatan kereta api pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menawarkan kepada mana-mana syarikat swasta bagi membangunkan tanah rizab tersebut.

Pada masa kini, Kerajaan sedang melaksanakan projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar dan projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban – Gemas. Kedua-dua projek ini memerlukan penggunaan tanah yang banyak untuk pembinaan landasan baru dan menaik taraf serta membina baru stesen-stesen kereta api bagi menggantikan stesen-stesen kereta api yang telah usang. Pembinaan infrastruktur baru ini adalah di atas tanah rizab kereta api dan secara tidak langsung ia mengurangkan kos pengambilan balik tanah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT : 28.08.2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : NO. 32**

**SOALAN**

**YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memastikan KL dan Selangor ada bekalan air minuman yang cukup pada 2010. Apakah dasar-dasar 'conservation' yang diambil oleh Kementerian.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Permintaan ke atas air bersih terawat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dijangka mengalami peningkatan pada kadar 4.75% dalam setahun. Dengan unjuran tersebut, sumber air sedia ada di negeri Selangor tidak lagi berupaya untuk memenuhi permintaan menjelang tahun 2015.

Bagi menampung kekurangan ini, Kerajaan sedang melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 serta sistem agihan. Kedua-dua projek ini dijangka siap dan beroperasi pada pertengahan tahun 2013. Projek pemindahan air mentah ini akan berupaya membekalkan air mentah sebanyak 1,890 juta liter sehari. Jumlah tersebut akan dapat membekalkan keperluan air bagi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya sehingga tahun 2025.

Tuan Yang Dipertua,

Sementara menunggu kedua-dua projek tersebut siap dan beroperasi, beberapa strategi bagi menambah kapasiti air mentah dan air terawat sedang dilaksanakan untuk menampung permintaan terutamanya pada musim kemarau. Usaha yang diambil adalah seperti berikut:

- (a) menaik taraf kapasiti sistem pengeluaran loji rawatan air terawat;
- (b) menyalurkan sumber air lebihan dari kawasan yang kurang permintaan kepada kawasan yang tinggi permintaannya; dan
- (c) melaksana program pengurangan kehilangan air tidak terhasil (NRW) secara komprehensif meliputi pembaikan segera paip pecah/bocor, penggantian rangkaian paip lama dan usang secara berperingkat-peringkat, penukaran meter usang, pengawalan tekanan air dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam penggunaan air secara berhemah. Usaha tersebut digerakkan melalui pelaksanaan pelbagai program seperti Kempen Kesedaran Penjimatan Air Kebangsaan dan program yang dikendalikan oleh operator air di seluruh negara. Seajar dengan usaha ini, saya ingin menyarankan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk turut sama memupuk kesedaran terhadap penggunaan air secara berhemah di kawasan parlimen masing-masing.

\*\*\*\*\*

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN:** Lisan

**DARIPADA :** Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis  
[Rompin]

**TARIKH :** 28 Ogos 2008

**SOALAN :** Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bagaimanakah Kementerian memantau dan membantu IKS-IKS berasaskan pertanian mempunyai keupayaan untuk mencapai piawaian yang telah ditetapkan oleh Kumpulan Kerjasama Peruncit dan Pengeluar Eropah Mengenai Amalan Pertanian Baik (EurepGAP) dan HACCP dalam usaha kita memastikan produk pertanian kita mematuhi empat keperluan asas iaitu kesesuaian alam sekitar, daya saing pengeluaran, tanggungjawab sosial dan keselamatan makanan.

**JAWAPAN :** Tuan Yang Dipertua

Kementerian ini sedar kualiti produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan yang dibangunkan perlu diperkukuhkan bagi mencapai dan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh

negara-negara pengimport seperti (EurepGAP), HACCP, GMP, Halal dan sebagainya. Dengan cara ini, produk-produk yang dihasilkan dapat menembusi pasaran dan rangkaian global di samping mematuhi keperluan kesesuaian alam sekitar, daya saing pengeluaran, tanggungjawab sosial dan keselamatan makanan.

Di antara program-program utama yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengadakan program audit pembekalan terutamanya dari segi kualiti, pembungkusan, penjenamaan, persijilan, akreditasi dan syarat-syarat khusus yang lain bagi mematuhi kehendak negara penerima.
2. Memberi khidmat pembaikan dan peningkatan imej produk melalui penambahbaikan pembungkusan dan pelabelan.
3. Memberi khidmat nasihat dalam penggunaan teknologi pemprosesan moden berdasarkan pematuhan kepada keperluan antarabangsa.
4. Memberi pengiktirafan kepada ladang-ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik yang berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk berkualiti, selamat dan sesuai dimakan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
[ PADANG BESAR ]

TARIKH : 28 OGOS 2008

SOALAN :

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab dan kenapa pindaan Akta Kanun Tanah Negara, khusus bagi memudahcarakan pecahan hak milik kurang dari satu ekar yang telah pun ditandatangani oleh SPB Yang Di Pertuan Agong masih belum dapat dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara dan apakah jabatan-jabatan yang masih melengahkannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang bagi meminda Kanun Tanah Negara telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007 dan di Dewan Negara pada 24 Disember 2007. Rang Undang-Undang ini seterusnya telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 24 Januari 2008 dan ia kemudiannya diwartakan dalam Warta Persekutuan pada 7 Februari 2008 sebagai Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333].

Bagi menetapkan tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333 ini, kelulusan daripada Mesyuarat Majlis Tanah Negara perlulah diperolehi terlebih dahulu. Setelah itu, barulah Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta Persekutuan, menetapkan tarikh kuat kuasa pemakaian Akta tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) belum diadakan pada tahun ini.

Perkara 91 (3) Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa Majlis Tanah Negara perlu mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali setahun dan pada kebiasaannya, mesyuarat tersebut diadakan pada penghujung tahun. Mesyuarat pada tahun ini dijadualkan akan diadakan pada 30 Oktober 2008.

Kementerian telah bercadang untuk menetapkan tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333 ini pada 1 Januari 2009. Pemilihan tarikh 1 Januari 2009 ini adalah dengan mengambilkira pertimbangan-pertimbangan seperti berikut :

- i. Ia bertujuan memberi tempoh masa yang mencukupi kepada semua pihak yang terlibat, khususnya pentadbiran tanah di negeri-negeri bagi memahami dan membuat persediaan secukupnya untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan baru dalam Akta A1333;
- ii. Di samping itu, pekeliling dan garis panduan berhubung pelaksanaan seksyen-seksyen yang telah dipinda perlu digubal bagi tujuan pemakaian oleh pihak pentadbiran tanah Negeri dengan lebih berkesan; dan

- iii. Pada masa yang sama, pihak swasta dan awam juga akan dimaklumkan mengenai pindaan-pindaan terbaru melalui seminar, hari bertemu pelanggan dan sebagainya.

Berhubung dengan peruntukan baru berkaitan dengan kebenaran untuk memecah bahagi tanah berkategori “pertanian” yang berkeluasan 2/5 hektar atau kurang, penetapan tarikh kuatkuasa pemakaian pindaan terbaru ini juga akan membolehkan pekeliling dan garis panduan berhubung mengenainya digubal bagi tujuan memudahcara pelaksanaannya oleh pentadbiran tanah Negeri dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM  
BIN OSMAN [ LIPIS ]**

**TARIKH : 28 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 1274**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan:-**

(a) Mengapa kerap kali berlaku banduan menyerang pegawai penjara seperti kejadian rusuhan di penjara reman Johor Bahru yang dilakukan oleh Reman-Reman Mahkamah Tinggi; dan

(b) Apakah bentuk perlindungan yang diberikan kepada pegawai penjara yang menghadapi risiko setiap hari perlu berhadapan dengan penjenayah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lipis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 2007 hingga Ogos 2008 sejumlah 18 kes serangan oleh banduan telah dilakukan terhadap pegawai penjara. Hasil daripada siasatan dan risikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia, didapati antara punca serangan tersebut berlaku adalah seperti berikut:

- i. Tindakan penyeludupan artikel larangan yang merbahaya oleh banduan berisiko tinggi yang terlibat dengan kes jenayah yang serius;
- ii. Banduan yang cuba melanggar peraturan penjara atau yang ingkar arahan;
- iii. Banduan didapati mengalami masalah mental;
- iv. Kesesakan di sesebuah penjara yang boleh menimbulkan keresahan dan tekanan kepada banduan; dan
- v. Banduan menghadapi tekanan atau masalah lain di luar penjara seperti masalah keluarga dan anak-anak.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menghadapi tugas seharian dengan situasi yang berisiko sebegini, pegawai dan anggota penjara sentiasa diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan dengan tidak menggunakan kekerasan di luar peraturan terhadap banduan-banduan. Banduan-banduan yang terlibat dengan kejadian rusuhan dan menyerang pegawai penjara akan dilaporkan kepada pihak polis untuk siasatan dan pendakwaan dan diambil tindakan dikenakan tindakan tatatertib penjara, diberikan latihan pemulihan semula, kaunseling dan lain-lain lagi.

Sebagai pegawai dan anggota penjara yang menjalankan program pemulihan pada setiap hari, kejadian sebegini tidak dapat dielakkan kerana mereka perlu berhadapan dengan pelbagai kategori banduan termasuklah banduan agresif dan berisiko tinggi. Tiada perlindungan khusus diberikan kepada pegawai dan anggota penjara yang menjalankan tugas kecuali beberapa langkah dan prosedur yang dilaksanakan bagi menangani dan mengawal kejadian sebegini. Antara langkah dan prosedur yang diambil adalah seperti:

- i. Peraturan dan Akta Penjara yang membolehkan pegawai penjara menggunakan kekerasan termasuk senjata api apabila tindakan banduan boleh mengakibatkan kematian, kecederaan terhadap pegawai penjara atau banduan lain atau rusuhan atau melarikan diri;

- ii. Menyediakan peralatan keselamatan dan perhubungan yang bersesuaian untuk kawalan keselamatan;
- iii. Menyediakan pelan tatacara kawalan dan tindakan yang bersesuaian semasa menghadapi situasi krisis;
- iv. Mengkaji bentuk-bentuk elaun yang bersesuaian untuk pegawai penjara agar ianya menjadi galakan untuk mereka bekerja dengan lebih komited;
- v. Menggalakkan kakitangan memiliki perlindungan insurans untuk diri mereka dan keluarga; dan
- vi. Mempertingkatkan lagi tahap kemahiran dan profesionalisme pegawai penjara sebagai persediaan menghadapi kepelbagaian kategori banduan serta situasi yang mungkin akan berlaku pada setiap kali bertugas.